



JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 30/2020

RUJUKAN : 21 APRIL 2020



BANCIS
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Perkembangan status jangkitan di Malaysia menunjukkan angka harian yang lebih terkawal dalam tempoh permulaan fasa ketiga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila arah aliran penurunan kes COVID-19 dapat dilihat melalui catatan purata harian sekitar 71 kes berbanding 159 kes pada fasa sebelumnya. Berdasarkan cerapan data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pulau Pinang dan Perlis tidak merekodkan pertambahan kes positif dalam tempoh fasa ketiga PKP sehingga kini, sementara Kedah, Kelantan dan W.P Labuan masing-masing mencatatkan 1 kes jangkitan. Secara umumnya, semua negeri menunjukkan penurunan catatan purata kes harian kecuali W.P Putrajaya. Selangor yang merupakan negeri teratas dalam senarai kumulatif jangkitan merekodkan purata pertambahan harian sebanyak 8 kes berbanding 43 kes pada fasa kedua. Namun demikian, KKM telah mengesahkan sejumlah kes positif COVID-19 ini melibatkan rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara. Bermula dari 3 April 2020, dalam tempoh 2 minggu seramai 12,160 telah dikuarantin dan dari jumlah tersebut 7,910 individu disampel dengan 95 kes disahkan positif. Tindakan proaktif saringan awal ini menyaksikan beberapa negeri menunjukkan peningkatan kes berdasarkan negeri lokasi mereka dikuarantinkan antaranya seperti 37 kes di Melaka, W.P Kuala Lumpur & W.P Putrajaya (32 kes), Sarawak (3 kes), Johor (3 kes) dan Selangor (2 kes). Terkini sebanyak 18 kes telah dikenalpasti di beberapa negeri menjadikan jumlah sehingga kini sebanyak 95 kes.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan **kumulatif kes sembah meningkat kepada 3,349** berbanding **kes aktif 2,041 kes** pada 21 April 2020. Sementara itu, sebanyak **57 kes positif baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **5,482 kes**. Di peringkat negeri, **pertambahan kes baharu** antaranya adalah menerusi catatan **di Sarawak** dengan **merekodkan 22 kes** disusuli W.P Kuala Lumpur (13 kes), Selangor (11 kes) dan Pahang sebanyak 8 kes. Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi tujuh buah negeri termasuk dua Wilayah Persekutuan. Selain itu, sejumlah **92 kes kematian** telah direkodkan sehingga kini dengan pertambahan **3 kematian terbaru** seperti pada Jadual 1.

Di seluruh dunia, **kumulatif jangkitan COVID-19** meningkat kepada **2,473,454 kes** dengan **Jumlah kematian 169,989 kes**. Amerika Syarikat kekal mendominasi bilangan kes positif dengan menyumbang **31.7 peratus**, disusuli Sepanyol iaitu 8.1 peratus dan Itali sebanyak 7.3 peratus. Sementara itu, **di peringkat ASEAN Singapura mendahului senarai teratas** dengan catatan 9,152 kes mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (6,760 kes), Filipina (6,459 kes) termasuk Malaysia (5,482 kes). **Kematian tertinggi** global direkodkan oleh **Amerika**

SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19: STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

Syarikat iaitu 42,094 kes, diikuti Itali yang mencatatkan 24,114 kes, Sepanyol (20,852 kes) dan Perancis (20,292 kes). Kedudukan statistik **kadar kematian didominasi oleh Belgium** dengan 14.58 peratus, Algeria (14.13), Itali (13.31 peratus) dan United Kingdom (13.15 peratus). Kadar kematian peringkat dunia terus meningkat kepada 6.87 peratus manakala kes sembah merekodkan 645,792 kes (26.11 peratus) seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada Public Invest Research memberikan butiran pasaran buruh dan ekonomi antarabangsa seperti berikut:

EU: Lebihan perdagangan zon Eropah meningkat pada bulan Februari 2020. Lebihan perdagangan bertambah menjadi **25.8 bilion euro** pada bulan Februari berbanding 18.2 bilion euro pada bulan Januari. **Eksport meningkat 1.8 peratus, sementara import menguncup -2.3 peratus** (MoM). Eksport pada asas perbandingan tahun ke tahun (YoY) meningkat 1.6 peratus pada Februari sebaliknya, import turun -1 peratus. (RTT)

EU: Lebihan akaun semasa zon Eropah meningkat pada bulan Februari. Lebihan akaun semasa kawasan Eropah meningkat pada bulan Februari, didorong oleh kenaikan lebihan perdagangan. **Lebihan akaun semasa meningkat kepada 40 bilion euro** dari 32 bilion euro pada bulan sebelumnya. Pada tempoh yang sama tahun lalu, lebihan akaun semasa adalah pada jumlah 28 bilion euro. (RTT)

EU: Indeks harga pengeluar (IHPr) Jerman jatuh untuk bulan yang kedua berturut-turut pada bulan Mac 2020. Indeks harga pengeluar turun -0.8 peratus pada asas perbandingan tahun-ke-tahun (YoY) untuk bulan Mac 2020, menyusuli penurunan -0.1 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan ini adalah sejajar dengan jangkaan ahli ekonomi. Antara komponennya, **harga tenaga menguncup -4.7 peratus** manakala harga barang perantaraan turun -2.1 peratus. Sementara itu, harga barang pengguna tidak tahan lama meningkat 4.2 peratus dan harga barang pengguna tahan lama dan barang modal masing-masing meningkat 1.5 peratus dan 1.2 peratus. (RTT)

UK: Pemulihan selepas tempoh sekatan pergerakan dijangka perlahan akibat sikap berhati-hati - BoE. Timbalan Gabenor BoE Ben Broadbent mengatakan bahawa pemulihan ekonomi Britain mungkin perlahan walaupun selepas melonggarkan sekatan pergerakan sekiranya masyarakat tetap waspada untuk meneruskan kehidupan seharian seperti sebelumnya. Dijangkakan **pengecutan 35 peratus dalam ekonomi Britain pada suku kedua 2020.** Di samping itu, **inflasi Britain dijangka rendah kerana kejatuhan harga minyak global** dengan IHP dijangka perlahan di bawah 1 peratus pada bulan-bulan berikutnya, kurang dari separuh sasaran BoE 2 peratus. (Reuters)

HK: Kadar pengangguran mencapai kadar tertinggi lebih dari 9 tahun. Kadar pengangguran HK meningkat ke tahap tertinggi dalam lebih dari sembilan tahun pada suku pertama 2020. **Kadar pengangguran meningkat kepada 4.2 peratus** pada bulan Januari hingga Mac dari 3.7 peratus pada tempoh Disember 2019 hingga Februari 2020. Bilangan penganggur meningkat kepada 162,200 dalam tempoh tiga bulan yang berakhir pada bulan Mac daripada 134,100 pada tempoh sebelumnya. (RTT)

India: Bank pusat mempunyai beberapa pilihan dasar untuk memerangi krisis kesihatan COVID-19. Bank pusat India mempunyai beberapa pilihan dasar untuk mengatasi impak ekonomi yang disebabkan oleh COVID-19. Merujuk kepada tindak balas fiskal yang terhad setakat ini, Bank pusat India telah memberikan polisi rangsangan kepada ekonomi. Antaranya adalah menurunkan kadar faedah sebanyak 75 mata asas, menyuntik lebih dari AS\$ 50 bilion kecairan ke dalam sistem kewangan, melaksanakan moratorium pembayaran pinjaman dan melonggarkan beberapa peraturan mengenai pinjaman tertangguh. (Bloomberg)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 1) Pakar ekonomi menyatakan perniagaan seperti **pusat beli belah dan panggung wayang** yang telah terkesan oleh **perkhidmatan atas talian** perlu membuat **transformasi model perniagaan** bagi mengatasi impak Covid-19 dan perniagaan dijangka mengambil masa beberapa bulan untuk pulih selepas arahan PKP dilucutkan.
- 2) Berdasarkan **survei** yang dijalankan oleh **persatuan perniagaan, 70 peratus daripada peniaga PKS tidak membuat pinjaman daripada bank**. Oleh itu, terdapat keperluan bagi pemberi pinjaman wang berlesen untuk beroperasi dalam tempoh ini sebagai jalan terakhir kepada peniaga PKS yang memerlukan sokongan kewangan segera.
- 3) Sebanyak 1.5 juta permohonan i-Lestari diluluskan melalui **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** yang melibatkan pengeluaran sebanyak **RM702 juta bagi bulan Mei 2020**. Berdasarkan permohonan tersebut dianggarkan sebanyak RM40 bilion daripada Akaun 2 KWSP yang membolehkan pencarum mengeluarkan sebanyak RM500 sebulan untuk tempoh 12 bulan.
- 4) Harga minyak Amerika Syarikat (AS) **meningkat semula ke atas paras sifar**, selepas **jatuh merudum sehingga paras negatif buat pertama kali semalam berikutan COVID-19** yang mencetuskan kejatuhan dalam permintaan dan menyebabkan dunia berada dalam lebihan bekalan. Kontrak penanda aras AS, **West Texas Intermediate (WTI)**, **kini pada harga \$0.56 setong** untuk **penghantaran Mei** selepas ia ditutup pada harga -AS\$37.63 di New York sebelum itu.
- 5) Terminal PTT Map Ta Phut LNG milik Thailand akan **menerima kargo LNG seberat 65,000 tan dari Petronas**. Rancangan EGAT untuk menandatangani kontrak jangka panjang dengan Petronas untuk mengimport 1.5 juta tan LNG setiap tahun dibatalkan pada bulan Disember, dan kini sedang mengkaji rancangan perolehan LNG jangka sederhana bagi tahun 2020-2022.
- 6) Kewangan Malaysia Airlines Bhd **merosot sehingga 94 peratus sejak larangan penerbangan dikeluarkan** di kebanyakan negara bagi membendung wabak Covid-19. Sementara itu, **harga saham AirAsia Group Bhd jatuh** berikutan cadangan pengeluar pesawat global, Airbus, untuk menjual enam pesawatnya ketika krisis dalam industri penerbangan semakin mendalam akibat pandemik COVID-19.

- 7) Bank domestik telah meluluskan pinjaman melalui **Dana Pinjaman Mudah bagi Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS)** di bawah selian Bank Negara Malaysia (BNM) yang berjumlah **RM2.7 bilion dengan kadar faedah 3.5 peratus** untuk lebih 5,000 PKS.
- 8) Penganalisis menjangkakan peniaga akan kembali beroperasi dan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan akan terus meningkat, sekaligus **mengelakkan berlakunya deflasi** selepas tamat PKP.
- 9) **Majikan tidak dibenarkan untuk memotong gaji pekerja** sekiranya mereka telah menerima bantuan subsidi upah daripada kerajaan. Sehubungan itu, majikan dan pekerja perlu sentiasa berunding untuk memperoleh keputusan bersama, bagi memastikan kebajikan kedua-dua pihak terjaga.
- 10) Syarikat dalam aktiviti **kesenian, hiburan dan rekreasi** juga telah mula membuat **pemotongan gaji pekerja mereka berikutan penurunan hasil** yang sangat mendadak.
- 11) **Pengeluaran pertanian Negeri Perak** bagi tempoh 28 Mac hingga 30 April adalah **sebanyak 35 tan metrik** dan jumlah tersebut lebih daripada mencukupi.
- 12) **Sebanyak 15,580 tan metrik (MT) sampah dikumpul menerusi projek Selangor Maritime Gateway (SMG)** berbanding purata 900 hingga 1,200MT sebulan dalam tempoh enam bulan lepas.
- 13) **UMW Toyota Motor Sdn Bhd akan membuka semula pusat servis terpilih di seluruh negara setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).** Pusat servis terpilih akan beroperasi bagi **keperluan perkhidmatan kecemasan sahaja** (berdasarkan janji temu) melibatkan kapasiti pekerja yang minimum.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Malay Mail	<p>Covid-19: RM1.2b in wage subsidies already approved for nearly a million workers, says finance minister</p> <p>The government had approved close to RM1.2 billion in wage subsidies as of April 19, Minister of Finance Datuk Seri Tengku Zafrul Aziz announced today.</p> <p>The subsidies are expected to benefit nearly a million workers involving 159,000 employers. Local workers earning less than RM4,000 a month are eligible for the subsidies although the sum varies according to the size of a particular firm.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/21/covid-19-rm1.2b-in-wage-subsidies-already-approved-for-nearly-a-million-workers/1858809
2.	Malay Mail	<p>With Covid-19's 'new normal', will businesses that bank on crowds adapt? Analysts weigh in</p> <p>Businesses that thrive on crowds such as shopping malls, entertainment outlets, cinemas and even spectator sports must transform their business model to outlast Covid-19 that is set to remain for at least another year, according to observers.</p> <p>Analyst Oh Ei Sun said such businesses have already been struggling with the advent of technologies such as online shopping and video-on-demand, and the pandemic</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/21/with-covid-19s-new-normal-will-businesses-that-bank-on-crowds-adapt-analyst/1858654

	<p>could be the final nail in the proverbial coffin.</p> <p>Economics professor Yeah Kim Leng concurred with Oh and said such businesses should not expect their patrons to return in full force once the MCO is lifted.</p> <p>The Sunway University Business School economics professor said public gatherings will continue to be discouraged for at least several more months due to the pandemic.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

- Perniagaan seperti pusat beli belah dan panggung wayang yang telah terkesan oleh perkhidmatan atas talian perlu membuat transformasi model perniagaan bagi mengatasi impak Covid-19 dan perniagaan dijangka mengambil masa beberapa bulan untuk pulih selepas arahan PKP dilucutkan.

Maklumbalas Bahagian:

- Perniagaan runcit dan aktiviti hiburan yang terjejas akibat arahan PKP akan mengambil masa untuk pulih dan secara langsung akan memberi impak kepada pertumbuhan sektor Perkhidmatan. Pada tahun 2019, sektor Perkhidmatan merupakan sektor utama ekonomi Malaysia dengan sumbangan 57.7 peratus kepada KDNK. Sektor ini merekodkan pertumbuhan 6.1 peratus berbanding 6.8 peratus pada tahun sebelumnya.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Harian Metro	<p>Pusat servis Toyota kembali beroperasi</p> <p>UMW Toyota Motor (UMWT) kini membuka kembali operasi pusat servisnya di beberapa cawangan terpilih selepas mendapat kelulusan daripada Kementerian</p>	https://www.hmetro.com.my/vroom/2020/04/569379/pusat-servis-toyota-kembali-beroperasi

		<p>Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).</p> <p>Perkhidmatan itu hanya boleh dilakukan melalui temujanji menetapkan masa yang sesuai untuk untuk datang ke premis melalui talian yang disediakan.</p>	
2.	The Star	<p>Wholesale market stays close till Friday, traders turn away lorry-loads of produce</p> <p>THE last-minute extension of the closure of Kuala Lumpur Wholesale Market in Selayang until Friday has left some traders in the lurch as they have to return or stop the supplies from being delivered to the market.</p>	https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2020/04/21/wholesale-market-stays-close-till-friday-traders-turn-away-lorry-loads-of-produce
3.	The Malaysian Reserve	<p>Prices to remain stable post-MCO</p> <p>Retail inflation is expected to remain stable in the weeks following the lifting of the MCO as consumers are likely to adopt prudent spending behaviours.</p> <p>Contrary to the assumption that consumers would be lavishing on big-ticket items and entertainments having confined to home for a prolonged period.</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/04/21/prices-to-remain-stable-post-mco/
B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan			
4.	The Sun Daily	<p>School bus operators, drivers plead for aid</p> <p>School bus operators and drivers are asking for a reprieve on loan</p>	https://www.thesundaily.my/home/school-bus-operators-drivers-plead-for-aid-DN2294489

		<p>repayments to help tide them over this lean period.</p> <p>That leaves them with insufficient funds to service the loans they have taken when purchasing the buses. Some bus operators also drive their own buses, thereby serving as owner and driver.</p>	
	C. Subsektor Kewangan		
5.	The Star	<p>Group: Cut red tape on loan approvals for SMEs for now</p> <p>A business association wants banks to cut red tape on loan approvals for small and medium enterprises (SMEs) during the MCO period because If the MCO extended, a lot of SMEs will have to start laying off their workers.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/21/group-cut-red-tape-on-loan-approvals-for-smes-for-now
6.	The Star	<p>Moneylenders: Let us resume business</p> <p>Business operators desperate for loans may fall for scams if licensed moneylenders are still barred from operating during the MCO period.</p> <p>The Ministry of Housing and Local Government agreed that licensed moneylenders can operate twice a week during the MCO period, subject to approval by the National Security Council and the International Trade and Industry Ministry.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/21/moneylenders-let-us-resume-business

	D. Subsektor Kesihatan			
7.	The Star	<p>Gleneagles Hospital KK quarantines all staff who handled Covid-19 patient</p> <p>Gleneagles Hospital Kota Kinabalu has quarantined all staff who handled a Covid-19 positive woman who underwent emergency surgery there last week. All affected areas have been closed for disinfection.</p>		https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/21/gleneagles-hospital-kk-quarantines-all-staff-who-handled-covid-19-patient
8.	The Edge	<p>Weaker 2Q expected for KPJ due to lower occupancy rate</p> <p>KPJ Healthcare Bhd expect the second quarter (2Q) to be heavily impacted by Covid-19 whereas 1Q will not see much of the brunt.</p> <p>The MCO period is for 1.5 months, its impact may be more profound than that as people will still be stigmatised to be near hospital compounds if not necessary.</p>		https://www.theedgemarkets.com/article/weaker-2q-expected-kpj-due-lower-occupancy-rate
	E. Subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi			
9.	The Star	<p>For first time, Genting Group plans pay cut as virus shuts casinos</p> <p>Malaysia's casino-to-hospitality conglomerate Genting Bhd. and its units are planning the first group-wide salary cut since its founding in 1965.</p> <p>Genting, backed by Malaysian tycoon Tan Sri Lim Kok Thay, is proposing as much as 20% temporary reduction of basic salary for employees based on their ranks.</p>		https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/21/for-first-time-genting-group-plans-pay-cut-as-virus-shuts-casinos

		Genting seeks to avoid job cuts as much as possible, even if salary remains one of its biggest cost components.	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Beberapa pusat servis kenderaan mula beroperasi setelah mendapat kelulusan daripada MITI.
2. Pengusaha dan pemandu bas sekolah memohon kerajaan campur tangan dalam menguruskan penangguhan bayaran pinjaman yang kebanyakannya daripada mereka meminjam daripada syarikat kredit.
3. Berdasarkan survei yang dijalankan oleh persatuan perniagaan, 70% daripada peniaga PKS tidak membuat pinjaman daripada bank. Oleh itu, terdapat keperluan bagi pemberi pinjaman wang berlesen untuk beroperasi dalam tempoh ini sebagai jalan terakhir kepada peniaga PKS yang memerlukan sokongan kewangan segera.
4. Perkhidmatan hospital swasta dijangka menyederhana dengan *occupancy rate* yang semakin menurun berikut stigma masyarakat terhadap wabak Covid-19.
5. Syarikat dalam aktiviti kesenian, hiburan dan rekreasi juga telah mula membuat pemotongan gaji pekerja mereka berikutan penurunan hasil yang sangat mendadak.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kebenaran menjalankan operasi dari MITI kepada sebilangan kecil pengusaha dan peniaga yang tidak terlibat dalam perkhidmatan *essential* antaranya seperti pembaikan kenderaan dan pemberi pinjam wang berlesen boleh membantu dalam hasil jualan dan pendapatan peniaga. Bahagian akan meneliti sektor-sektor yang terlibat.

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>Harga minyak AS meningkat semula atas paras sifar</p> <p>Harga minyak Amerika Syarikat (AS) meningkat semula ke atas paras sifar, selepas ditutup dalam wilayah negatif buat pertama kali semalam berikutan COVID-19 mencetuskan kejatuhan dalam permintaan, menyebabkan</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/679741/harga-minyak-meningkat-semula-atas-paras-sifar

		<p>dunia berada dalam lebihan bekalan.</p> <p>Kontrak penanda aras minyak AS, West Texas Intermediate bagi penghantaran Mei berada pada paras AS\$0.56 setong selepas ditutup -AS\$37.63 di New York.</p>	
2.	The Edge Markets	<p>Muted Ramadan, Eid amid pandemic slam seasonal rise in palm oil demand</p> <p>The palm oil market is set to miss out on a key high-demand period in 2020 as coronavirus-driven lockdowns during the Muslim holy month of Ramadan dent demand in key importing countries such as India, Pakistan and Bangladesh.</p> <p>Lower-than-normal demand could put pressure on Malaysia's benchmark crude palm oil prices, which have already fallen nearly 30% since Jan 23. That is when China, the second-largest global palm consumer, enacted the world's first coronavirus-related lockdown.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/muted-ramadan-eid-amid-pandemic-slam-seasonal-rise-palm-oil-demand
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Harga minyak Amerika Syarikat (AS) meningkat semula ke atas paras sifar, selepas jatuh merudum sehingga paras negatif buat pertama kali semalam berikutan COVID-19 yang mencetuskan kejatuhan dalam permintaan dan menyebabkan dunia berada dalam lebihan bekalan. Kontrak penanda aras AS, West Texas Intermediate (WTI), kini pada harga \$0.56 setong untuk penghantaran Mei selepas ia ditutup pada harga -AS\$37.63 di New York sebelum itu. 2. Pasaran minyak kelapa sawit terjejas akibat penularan wabak Covid-19. Permintaan yang lebih rendah daripada biasa memberi tekanan pada harga minyak sawit mentah, yang telah turun hampir 30% sejak 23 Januari 2020. 			

Penularan wabak Covid-19 menyebabkan China yang merupakan pengguna sawit global terbesar kedua telah membuat beberapa penutupan bandar yang telah mengakibatkan kepada permintaan sawit lebih rendah di China.

Maklumbalas Bahagian:

- Nilai import minyak mentah (HS 2709) bernilai RM26.8 bilion. Antara sumber utama import ialah Arab Saudi (RM9.3 bilion, 34.8%), Emiriah Arab Bersatu (RM4.3 bilion, 15.9%) dan Venezuela (RM2.5 bilion, 9.5%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport minyak mentah bernilai RM2.2 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, import minyak mentah meningkat RM165.6 juta atau 8.0% daripada RM2.1 bilion. Manakala, nilai eksport minyak mentah pada tahun 2019 bernilai RM29.1 bilion. Tiga destinasi utama eksport Malaysia ialah Australia (RM7.2 bilion, 24.8%), India (RM6.6 bilion, 22.7%) dan Thailand (RM5.8 bilion, 20.0%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengeksport minyak mentah bernilai RM1.8 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport minyak mentah jatuh sebanyak RM343.3 juta atau 16.1% daripada RM2.1 bilion.
- Nilai import minyak sawit mentah (HS 1511) pada tahun 2019 ialah RM2.3 bilion. Sumber utama import ialah dari Indonesia yang bernilai RM 2.1 bilion. Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport minyak sawit mentah bernilai RM185.0 juta. Berasaskan tahun ke tahun, import minyak sawit mentah jatuh sebanyak RM19.9 juta atau 9.7% daripada RM204.9 juta. Manakala, nilai eksport minyak sawit mentah ialah RM34.5 bilion. Malaysia mengeksport minyak sawit mentah ke India (RM8.0 bilion, 23.2%), China (RM3.6 bilion, 10.6%) dan Pakistan (RM1.9 bilion, 5.5%). Pada bulan Februari 2020, eksport minyak sawit mentah bernilai RM2.8 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport minyak sawit mentah meningkat RM331.1 juta atau 13.2% daripada RM2.5 bilion.
- BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	New Straits Times	Reducing construction workforce will affect projects Contractors associations have urged the government to seek feedback from them on the new standard operating procedures (SOP) which allow certain	https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/586175/mco-reducing-construction-workforce-will-affect-projects

		industries to operate during the third phase of the Movement Control Order (MCO).	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. SOP yang memerlukan syarikat mengurangkan bilangan tenaga kerja sebanyak 50 peratus akan membatasi kemajuan projek pembangunan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Walaupun terdapat pengoperasian semula projek-projek pembinaan, kemajuan kerja masih di peringkat yang rendah dan tidak seperti kebiasaan disebabkan pengurangan 50 peratus dalam jumlah pekerja. Ianya akan memberi kesan pengurangan kepada nilai kerja pembinaan bagi projek-projek yang telah beroperasi semula.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Markets	<p>Thailand's EGAT to receive second spot LNG cargo from Malaysia's Petronas</p> <p>The state-owned PTT's Map Ta Phut LNG receiving terminal in the eastern part of Thailand will receive the 65,000-tonne LNG cargo from Malaysia's state oil and gas company Petronas. The April shipment is the second, after the spot-market LNG cargo in December which will serve as a test run to judge the viability of potential spot-market LNG purchases in the future. Due to the Covid-19, EGAT (Electricity Generating Authority of Thailand) is reviewing a medium-term LNG procurement plan for 2020-2022. EGAT's previous plan to sign a long-term contract with Petronas to import up to 1.5 million tonnes of LNG annually was scrapped in December.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/thailands-egat-receive-second-spot-lng-cargo-malaysias-petronas

2.	Bernama	<p>Malaysia Airlines financials deteriorate up to 94% as Covid-19 prompts global flight restrictions — report</p> <p>Malaysia Airlines Bhd's financials have deteriorated up to 94% since flight restrictions were imposed across most countries to curb the Covid-19 pandemic. There are several measures taken, including offering no-pay leave to employees and implementing gross pay cut for employees earning high salaries.</p> <p>It was to sustain Malaysia Airlines' cash flow and protect employees earning low salaries and to prevent the possibility of employee layoff to cut cost. Malaysia Airlines will continue operating limited domestic flights across Malaysia. At the international level, Malaysia Airlines continues to undertake rescue and deportation flights.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-airlines-financials-deteriorate-94-covid19-prompts-global-flight-restrictions-%E2%80%94
3.	Bernama	<p>AirAsia shares down on news Airbus puts up orders for sale</p> <p>AirAsia Group Bhd's share price fell hours after global aircraft manufacturer, Airbus, reportedly gave up on the former's six reserving planes and intended to put them on sale as crisis in the aviation industry deepens due to COVID-19 pandemic. The unusual move was following AirAsia's decision that it doesn't need any more aircraft this year amid lockdowns and travel restrictions following the pandemic that have hampered the</p>	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1834303

		tourism industry, especially the airlines. As at 3 pm, AirAsia was down 2.5 sen or 2.87 per cent to 84.5 sen with 126.27 million shares changing hands.	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

